

01/03/1997

BAM senaraikan Ewe Hock

Norbakti Alias

SEANDAINYA Ong Ewe Hock masih berkira-kira mengenai masa depan kerjayanya, keputusan terbaru Persatuan Badminton Malaysia (BAM) pasti memudahkan arah haluannya.

Ewe Hock tentu lega kerana Yong Hock Kin yang senasib dengannya disingkirkan oleh Nusa Mahsuri, disenaraikan BAM bersama dua pemain yang pernah disisihkan skuad negara, Wong Ewee Mun dan P Kantharoopan, sebagai pelatih baru.

Keputusan itu yang dibuat dalam mesyuarat Exco BAM petang semalam, pasti memudahkan pemain nombor lima dunia itu untuk kembali ke pangkuan badan induk itu yang ditinggalkannya lebih dua tahun lalu.

"BAM menjemput Ewe Hock dan Hock Kin menyertai skuad negara. Malah, nama kedua-dua pemain ini sudah ada dalam senarai kami.

"Soal sama ada mereka mahu menyertai BAM secara rasmi bukan perkara pokok kerana kedua-dua pemain itu boleh berbuat demikian bila-bila masa.

"Mereka boleh berlatih bersama pemain-pemain lain sementara membuat keputusan mereka," kata Presiden BAM, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Menurutnya, Hock Kin juga tidak perlu menjalani sebarang ujian walaupun sebelum ini kedudukan ranking dunianya pada sekitar 30-an masih belum meyakinkan BAM.

Difahamkan, keputusan BAM mengambil Hock Kin tanpa sebarang ujian adalah antara 'pakej' untuk mendapatkan Ewe Hock, hasil beberapa perbincangan yang dilalui kedua-dua pihak.

Sungguhpun pemain berusia 25 tahun itu dikatakan mahu berusaha mencari penaja individu terlebih dahulu, namun kelewatannya membuat keputusan lebih dilihat atas perasaan serba salah.

Ini kerana sebelum ini BAM hanya menerima Ewe Hock secara automatik manakala Hock Kin tidak mendapat keistimewaan itu.

Selain Ewe Hock dan Hock Kin, juara kebangsaan, Ewee Mun dan Kantharoopan, kembali semula ke skuad negara bersama Wong Choon Hann dan Lo Ah Heng.

Ewee Mun, yang genap 25 tahun Oktober lalu, adalah pemain paling tua dalam barisan perseorangan di skuad yang akan memulakan latihan Isnin ini.

Kalau selama ini, usia sedemikian dianggap sudah tua di kebanyakan mata jurulatih negara, namun kehadiran Morten Frost Hansen jelas berbeza, mungkin sesudah melihat apa yang pernah dilakukan Poul Erik Hoyer-Larsen yang cemerlang ketika berusia 31 tahun.

Sementara itu, senarai pemain wanita akan diumumkan kemudian kerana BAM akan mengadakan ujian pemilihan sekali lagi esok antara enam peserta terbaik minggu lalu dengan skuad yang ada sekarang.

Dr Fadzil juga berkata pemain lelaki yang tidak terpilih masih boleh mencuba bermain dalam acara beregu.

Skuad utama: Perseorangan - Ong Ewe Hock, Yong Hock Kin, Wong Choon Hann, Wong Ewee Mun, Lo Ah Heng, P Kantharoopan.

Beregu: Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock, Choong Tan Fook-Lee Wan Wah, Rosman Razak-Chew Chun Eng, Yap Yee Hup-Yap Yee Guan, Tan Kim Her-Lee Chee Leong.

Pelapis A: Perseorangan - Jason Wong, Ramesh Nathan, Foo Yoon Kean, Mahathir Mustaffa, Ng Kean Kok; Beregu - Cheah Soon Thoe-Chang Kim Wai, Pang Cheh Chang-Khoo Boo Hock, Lim Theam Teow-Khoo Kok Keng.

Pelapis B: Yap Yong Jyen, Lee Tsuen Seng, Allan Tai, Siew Yian Wai, Sairul Amin Ayob.

(END)